

Masalah sosial pelajar tidak serius

KUANTAN - Ketua Polis Pahang, Datuk Ayub Mohamed berkata, masalah disiplin pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negeri ini tidak serius dan masih dapat dikawal.

Beliau memberitahu, Polis bersedia memberi kerjasama kepada IPT jika ada pelajarinya terbabit dalam masalah itu.

"Sebenarnya masalah jenayah di Pahang tidak serius dan puratanya hanya 20 kes sehari, itu pun hanya kes kecil, sama seperti yang juga berlaku di negeri lain," katanya kepada pemberita ketika ditemui sebelum majlis Minggu Induksi Siswa di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Ketika ditanya mengenai masalah mat rempit, Ayob berkata, denda yang dikenakan kepada mereka menyebabkan mereka insaf dan tidak mahu melakukan perkara itu untuk kali kedua.

Beliau bersetuju dengan



AYUB MOHAMED

denda yang dan hukuman yang dikenakan kerana ia boleh memberi kesan positif kepada mat rempit terbabit yang tidak mahu tinggal di penjara selepas gagal membayar denda yang dikenakan.

Turut hadir, Naib Canselor UMP, Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, Pegawai Kanan UMP dan pegawai PDRM.

Sementara itu, Polis

Pahang turut bekerjasama dengan UMP dengan menubuhkan Pegawai Sukarelawan Polis (SUKSIS) bertujuan mengeratkan hubungan di antara polis dan masyarakat.

"Kita mahu mengelakkan persepsi bahawa wujud satu halangan di antara anggota polis dan masyarakat. Justeru, melalui penubuhan pasukan itu dapat memberi pandangan berbeza sebelum ini," katanya.

Selepas diperkenalkan, seramai 62 pelajar menganggotai SUKSIS membabitkan 12 jurulatih daripada Polis Diraja Malaysia.

Sempena minggu suai kenal itu, Ayob turut berkongsi pengalamannya sebagai anggota polis selain memberi semangat kepada pelajar baru menghadapi suasana pembelajaran dan cabaran sebagai mahasiswa.



Sinar Harian Sabtu 5/7/08 m/s N2